

Promosi pakej kesihatan sukan

Selain daripada mengukur status dan risiko kesihatan, pakej ini menawarkan strategi rehabilitasi untuk membantu pesakit mitigate dan mengelakkan pelbagai penyakit.



MOHD AZHARI YAKUB (lima dari kiri) bersama pegawai dan pelumba basikal dari pasukan Forca-Amskins Racing UCI Continental Cycling di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
nisa.sulaiman@utusan.com.my

INSTITUT Jantung Negara (IJN) menjalinkan kerjasama dengan kumpulan Forca-Amskins Racing UCI Continental Cycling iaitu atlet akan mempromosikan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeriksaan kesihatan berkala.

Di bawah kerjasama selama dua tahun, ahli kumpulan Forca-Amskins akan menikmati pemeriksaan kesihatan tahunan dan faedahnya daripada perkhidmatan fisioterapi berkualiti tinggi semasa acara perlumbaan.

Pelumba basikal berkenaan juga merupakan duta bagi Pakej Atlet IJN, sebuah pusat kesihatan yang mempunyai pelbagai program pemeriksaan kesihatan.

Pasukan Forca-Amskins walaupun masih baru ditubuhkan tahun ini terdiri daripada pelumba basikal terkemuka negara seperti pelumba Olympian iaitu Amir Mustafa Rosli, Anuar Manan, Sofian Nabil Omar dan Nik Azwan Zulkiflie.

Pelumba lain dalam kumpulan berkenaan termasuk Mohammad Saufi Mat Senan, Mohd Hafidz Hamid selain pelumba import John Ebesn dari Denmark dan

Alvaro Duarte dari Columbia.

Ketua Pegawai Eksekutif IJN Datuk Seri Mohd Azhari Yakub berkata, walaupun atlet biasanya lebih sihat berbanding orang lain tetapi mereka juga perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan berkala untuk mengelakkan sebarang isu dan masalah pada masa akan datang.

"Ramai yang tidak sedar mereka menghadapi masalah jantung yang memberikan kesan kepada kerjaya dan mungkin nyawa mereka.

"Malalui pemeriksaan berkala, kami bukan sahaja memantau apa-apa perubahan tidak normal dalam tubuh mereka tetapi juga melihat sama ada terdapat apa-apa kecederaan sebelum ini dan tahap penyembuhannya," katanya.

"Selain menilai risiko kesihatan, program pemeriksaan kesihatan untuk atlet ini juga boleh mendidik mereka bagaimana untuk mengelakkan sebarang kecederaan.

"Keutamaan kami adalah untuk membolehkan atlet meneruskan aktiviti mereka dengan baik untuk jangka masa yang berpanjangan," katanya.

IJN mempunyai beberapa siri pakej pemeriksaan kesihatan yang menawarkan ujian komprehensif dan lengkap fungsi badan utama termasuk hati, jantung, buah pinggang

Sebagai profesional perubatan, peranan utama kami adalah membantu orang ramai mengambil langkah ke arah kehidupan yang lebih sihat. Pemeriksaan kesihatan berkala adalah bahagian paling penting. Pemeriksaan kesihatan fizikal ringkas secara berkala boleh membantu pesakit mengelakkan penyakit daripada awal.

dan paru-paru.

Selain daripada mengukur status dan risiko kesihatan, pakej ini juga termasuk strategi rehabilitasi untuk membantu pesakit mitigate dan mengelakkan pelbagai penyakit.

Pakej ini juga sesuai untuk remaja selain pesakit diabetes dan wanita.

Athlete Fitness Package secara amnya disasarkan untuk atlet bagi membantu mereka mengenal pasti tahap kecergasan dan latihan yang diperlukan terutama dalam persiapan perlumbaan

besar atau acara sukan.

Dr. Mohd Azhari menambah kerjasama berkenaan disasarkan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mementingkan kesihatan dalam tempoh yang lama.

"Sebagai profesional perubatan, peranan utama kami adalah membantu orang ramai mengambil langkah ke arah kehidupan yang lebih sihat. Pemeriksaan kesihatan berkala adalah bahagian paling penting. Pemeriksaan kesihatan fizikal ringkas secara berkala boleh membantu pesakit mengelakkan penyakit daripada awal.

"Kami berbangga dapat bekerjasama dengan pasukan Forca-Amskins dalam membantu mereka mencapai tujuan menjadi kalangan terbaik di dunia. Sokongan mereka dalam mendidik orang awam mengenai kepentingan pemeriksaan kesihatan sangat dialu-alukan.

"Saya ingin melihat lebih ramai rakyat Malaysia mengambil langkah awal mendapatkan pemeriksaan kesihatan," katanya.

IJN Wellness Centre adalah pusat sehati untuk pemeriksaan kesihatan holistik, menguruskan masa beratur dan masa menunggu. Bagi mereka yang mencari keselesaan, Elite Lounge menawarkan persekitaran santai untuk pesakit.

